



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### SIARAN MEDIA

#### **SEMINAR PENGURUSAN NILAI PERKHIDMATAN AWAM 2019: KEUTUHAN NILAI, TUNJANG INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM**

**Standard Pengurusan Audit Nilai sebagai  
Program Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam baharu**

---

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) buat julung kalinya mengadakan Seminar Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam 2019 yang bertemakan Keutuhan Nilai, Tunjang Integriti Perkhidmatan Awam, dirasmikan oleh YB Hajjah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri (Agama) di Jabatan Perdana Menteri.
2. Seminar bertujuan untuk menekankan kepentingan pelaksanaan konsep Bersih, Cekap dan Amanah dalam pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan awam bagi meningkatkan penghayatan nilai-nilai murni, memperkasakan integriti penjawat awam serta memaklumkan mekanisme pelaksanaan audit nilai yang baharu.
3. JPA sebagai agensi pemantau sedang membangunkan pendekatan baharu dalam pengurusan audit nilai iaitu daripada Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) yang telah dilaksanakan sejak 2007 kepada **Standard Pengurusan Audit Nilai (SPAN 2.0)** yang merangkumi 3 elemen utama iaitu **Program Nilai, Audit Nilai dan Intervensi Nilai**.
4. **SPAN 2.0 akan dilancarkan dan dilaksanakan pada tahun 2020 untuk menjadikan pengurusan nilai di dalam perkhidmatan**

**awam lebih berstruktur dan berkesan.** Justeru, pendekatan psikologi akan digunakan dalam pembangunan nilai dan pembentukan sahsiah berintegriti penjawat awam. Penjenamaan semula ini sejajar dengan objektif strategik Pelan Anti Rasuah Nasional 2019.

5. Elemen yang pertama iaitu Pengurusan **Program Nilai** merupakan pendekatan yang sistematik bagi menimbulkan kesedaran, memperkukuhkan penghayatan, menjana dan mengekalkan pengamalan serta penilaian bagi memastikan program yang dilaksanakan bersesuaian dengan dapatan audit nilai.
6. Elemen yang kedua pula adalah **inventori sistem amalan nilai (iNSAN)** yang dibangunkan bagi menggantikan SPAN yang dilaksanakan sebelum ini. Soalan-soalan yang baharu dan bersesuaian dengan kehendak semasa telah ditambahbaik bagi mendapatkan maklum balas penjawat awam terhadap tahap pengamalan nilai di dalam perkhidmatan awam. Selain itu, iNSAN juga mengambil kira Rekod Amalan Nilai dan Maklum Balas Pelanggan dalam menentukan tahap pengamalan nilai ini.
7. Elemen yang ketiga ialah **Intervensi Nilai** yang memberi tumpuan kepada agensi yang berada dalam tahap pengamalan nilai yang memerlukan penambahbaikan dengan pemantauan. Intervensi ini meliputi inisiatif tadbir urus dan pembangunan modal insan.
8. Anugerah Amalan Terbaik Pengurusan Nilai kepada enam (6) Kementerian/Jabatan/Agensi yang mencapai tahap Pengurusan nilai cemerlang turut disampaikan semasa majlis perasmian. Kriteria yang dinilai adalah berdasarkan kepada empat (4) perkara utama iaitu:-
  - i. Usaha pembudayaan Bersih, Cekap dan Amanah
  - ii. Pengurusan pembangunan nilai dan etika
  - iii. Pengurusan Audit Nilai

iv. Penglibatan warga dalam Pengurusan Nilai

9. Forum bertajuk Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam: Bersih, Cekap, Amanah turut berlangsung pada sesi petang yang dibarisi panel YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pengarah Pusa Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), YBhg. Tan Sri Md Nor Yusof, Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) dan YBhg. Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).
10. Seminar dihadiri oleh 450 peserta terdiri daripada kakitangan Unit Integriti, pengurus sumber manusia, pegawai-pegawai psikologi dan ahli-ahli pasukan SPAN.

#####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 9 Oktober 2019  
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 ( 55 )

## LAMPIRAN

### **SENARAI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI YANG MENERIMA ANUGERAH AMALAN TERBAIK PENGURUSAN NILAI PERKHIDMATAN AWAM**

Anugerah amalan terbaik Pengurusan Nilai bertujuan memberikan pengiktirafan kepada kementerian/jabatan/agensi yang mencapai tahap Pengurusan nilai cemerlang. Ia merupakan penghargaan kepada agensi yang berusaha meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai dalam perkhidmatan awam.

Ia juga bertujuan menyuntik semangat persaingan sihat di antara kementerian/jabatan/agensi dalam memperbaiki dan menambahbaik Pengurusan nilai-nilai murni.

Pada tahun 2017, sebanyak 134 agensi telah terlibat dalam kajian audit nilai dan 222 agensi terlibat pada tahun 2018. Peningkatan ini menunjukkan komitmen agensi dalam melaksanakan Arahan YAB Perdana Menteri terhadap Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN).

Di atas komitmen tinggi yang ditunjukkan, buat julung-julung kalinya Anugerah Amalan Terbaik Pengurusan Nilai diperkenalkan. Pada tahun ini, kriteria pemilihan penerima Anugerah adalah berdasarkan dokumen pelaporan dan pembentangan yang dikemukakan kepada Panel yang merangkumi empat (4) kriteria utama iaitu:

- i. Usaha pembudayaan Bersih, Cekap dan Amanah
- ii. Pengurusan pembangunan nilai dan etika
- iii. Pengurusan Audit Nilai
- iv. Penglibatan warga dalam Pengurusan Nilai

Penganugerahan ini diharap dapat membantu kementerian/jabatan/agensi membuat penilaian dan perancangan serta penambahbaikan secara konsisten dalam program Pengurusan nilai masing-masing.

Bagi mendahului penerima Anugerah Amalan Terbaik Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam:

- i. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- ii. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- iii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iv. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
- v. Jabatan Imigresen Malaysia
- vi. Majlis Bandaraya Petaling Jaya